

MANI PURINDAN: Menyelesaikan Polemik Asal-Usulnya

TunSuzana@ Suzana Hj Othman

Pengenalan

Sulalatus Salatin atau *Sejarah Melayu* susunan Bendahara Paduka Raja Tun Muhammad atau timangannya Tun Seri Lanang menyebut tentang kemunculan seorang anak raja dari benua 'Keling', iaitu Mani Purindan, yang datang ke Melaka di akhir abad ke 14 atau awal abad ke 15 Masihi. Putera raja ini diterima dengan penuh kebesaran dan kemuliaan oleh Sultan Muhammad Syah, raja Melaka yang ketiga (1424-1444M). Dari zuriat Mani Purindanlah asalnya susur galur Raja-raja Melayu Melaka (dari sebelah ibu) melalui perkahwinan puterinya, Tun Ratna Wati dengan Sultan Muhammad Syah¹. Mani Purindan juga merupakan moyang kepada sebahagian bendahara-bendahara, temenggung-temenggung Melaka dan keturunan-keturunan mereka melalui zuriat puteranya, Tun Ali². Diantara zuriatnya termasuklah Tun Seri Lanang sendiri.

Tidak lama sebelum itu Mani Purindan telah sampai ke Pasai dan berkahwin dengan puteri raja, kemudian melahirkan golongan bangsawan dan bendahara-bendahara Pasai.

Seorang tokoh sejarah dan ahli akademik yang terkenal suatu masa dahulu, iaitu Prof Muhammad Yusoff Hashim pernah menulis artikel berikut dalam sebuah buku bertajuk " *Pensejarahan Melayu: Kajian tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*³:

"Sementara itu, puak **Tamil Muslim** pula memainkan peranan politik yang lebih besar lagi. Hal ini dapat kita lihat dengan kemunculan Mani Purindan, yang didakwa sebagai putera raja dari Pahili, di benua Keling (Cetera ke-12). Beliau telah berkahwin dengan anak Seri Nara Diraja, Tun Ratna Sendari, lalu mendapat dua orang anak, Tun Wati dan Tun Ali. Tun Wati dikahwini oleh Sultan Muhammad Syah; mendapat seorang putera, Raja Kassim (Sultan Muzaffar Syah). Tun Ali kemudian menggantikan datuknya menjadi Seri Nara Diraja Melaka. Ini bererti, ibu Raja Kassim dan Tun Ali yang menjadi

¹ A. Samad Ahmad, *Sejarah Melayu*, hlm 82. Sementara nasab atau patrilineal Raja-Raja Melaka adalah dari darah Bukil Siguntang, Palembang di Sumatera.

² Sebelum Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir, bendahara-bendahara Melaka adalah dari jurai langsung (patrilineal) kepada darah Demang Lebar Daun dari Bukit Siguntang, Palembang, iaitu Tun Perpatih Putih, Tun Perak, Tun Perpatih Sedang, Raden Anum, Tun Perpatih Tulus dan Tun Perpatih Permuka Berjajar. Bermula dengan Tun Mutahir, nasab patrilinealnya adalah dari Mani Purindan sedangkan dari sebelah ibu (matrilineal) masih kepada Demang Lebar Daun. Bendahara-bendahara ke bawah dari Tun Mutahir ada yang terus ke Bukit Siguntang dan ada yang bercampur dengan baka Mani Purindan khususnya bendahara-bendahara Johor Lama

³ Muhammad Yusoff Hashim, *Pensejarahan Melayu: Kajian Tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*, DBP, KL 1992

pembesar Melaka turun-temurun ini adalah titisan golongan diraja Tamil Muslim. Tokoh-tokoh inilah yang telah memainkan peranan politik yang penting bagi Melaka.”

“Jika golongan Tamil ini menjadi unsur penting menegakkan Melaka, merekalah juga akhirnya nanti memainkan peranan besar dalam kejatuhan Melaka. Tokoh-tokoh Tamil seperti Kitul, Nina Sura Dewana dan Raja Mendeliar telah menyebabkan berlakunya skandal politik di istana Sultan Mahmud Syah. Sebab angkara fitnah merekalah, seluruh keluarga Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir terbunuh dan memudahkan Portugis menyerang Melaka. Seorang Tamil yang bernama Nina Chatu, menurut Tom Pires, bersubahat, menggalakan dan menolong orang Portugis menyerang serta merampas Melaka. Nina Chatu terpengaruh dengan janji-janji manis yang diberikan oleh Alfonso de’ Albuquerque, dan akhirnya dia sendiri dibunuh oleh orang Portugis.”

Catatan masyur ini menjadi sumber rujukan kepada ramai para sejarawan dan ahli akademik, sehingga menimbulkan suatu sikap prejudis terhadap keluarga bendahara Melaka yang didakwa berasal-usul dari kaum Tamil Muslim. Apa yang lebih menggusarkan, bahawa ia dilihat senada dengan pendapat seorang orientalis British terkenal iaitu R.O Winstedt yang pernah menyentuh tentang asal-usul cucu-cicit Mani Purindan, iaitu Tun Seri Lanang, penyusun *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* yang termasyur itu. Winstedt mengenalkan Tun Seri Lanang sebagai seorang peranakan Tamil⁴ dan moyangnya Mani Purindan sebagai ‘saudagar Tamil’.

Andaian ini telah mendatangkan suatu kemusykilan kepada seorang sarjana Barat yang bernama Sir Roland Braddell, di mana beliau menulis: “ *The 12th annals (Sejarah Melayu) introduces Mani Purindan whom Winstedt says was a Tamil trader but on what grounds (he base his assumptions on) it is difficult to understand*’. Bermakna Sir Rolland Braddel sendiri tidak jelas atas dalil apakah Winstedt mengemukakan kenyataan bahawa Mani Purindan seorang pedagang Tamil⁵?

Artikel ini ditulis untuk merungkai polemik yang wujud tentang asal-usul Mani Purindan, yang mana Tun Seri Lanang tidak pernah mencatatkan di mana-mana pun dalam sumber primernya *Sulalatus Salatin* bahawa Mani Purindan adalah seorang ‘Tamil Muslim’. Polemik ini perlu diselesaikan kerana telah lama wujud kepalsuan serta prejudis bahawa keluarga bendahara Melaka adalah dari golongan Tamil yang terpalit dalam sejarah sebagai pengkhianat, pemfitnah hatta telah bersekongkol dengan Portugis melawan Melaka dan belakangan tokoh-tokoh Tamil ini seperti Nina Chattu telah mendapat kedudukan selesa dalam era penjajahan Portugis di Kota Melaka sehingga dilantik sebagai Bendahara.

Suatu yang ironi apabila dalam masa yang sama, sejarah membuktikan bahawa keluarga Bendahara Melaka dari pancar Mani Purindan dan turunannya menjadi sumber kebencian dan dendam Portugis, juga terbukti telah mencurahkan kesetiaan dan ketaatan kepada Raja Melaka, contohnya tragedi pembunuhan Tun Mutahir tiga

⁴ JMBRAS (Vol XVI, Pt III, 1938). Resensi Blagden-Raffles MS no 18. Library Royal Asiatic Society, London. Disunting oleh R.O Winstedt

⁵ ‘*The study of ancient times in the Malay Peninsular & Straits of Malacca & Notes on ancient times in Malacca*, hlm 508, JMBRAS 16,

beranak, pengorbanan Serikandi Tun Fatimah, pengorbanan keluarga bendahara dalam membela dan melindungi Sultan Mahmud yang menjadi buruan Portugis, dan banyak lagi cerita-cerita seumpamanya sampai kepada masa Tun Seri Lanang di Johor. Bagaimana mengharmonikan unsur-unsur pengkhianatan saudagar-saudagar Tamil dengan unsur-unsur kesetiaan dalam keluarga bendahara Melaka melainkan wujud elemen-elemen tafsiran sejarah yang tidak benar dan perlu diperbetulkan kembali!!

Perlu diperjelaskan bahawa induk pada keluarga bendahara Melaka, iaitu Mani Purindan bukanlah seorang Tamil. Hanyasanya beliau dari Benua Keling, bukan bermakna beliau dari kaum tersebut.

Walaupun dalam masyarakat Melayu tradisional menyebut Tanah Hindi sebagai benua Keling, namun dalam konteks pengenalan kaum, istilah 'Kling' atau 'Keling' lebih merujuk kepada kaum yang bertutur dalam bahasa Tamil daripada wilayah Koromandel di sebelah selatan benua India. Pada abad ke 16 Masihi, mereka ditempatkan di sebuah perkampungan Keling di Upeh.

Manakala benua India tanahnya sangat luas, penduduknya terdiri dari berbagai kaum dan asal-usul seperti bangsa Arab, Farsi, Gujerati, Turki, Bengali, Tamil dan sebagainya⁶. Malahan wujud berbagai kerajaan dan kesultanan Islam yang masyur seperti Kesultanan Delhi, merujuk pada satu siri pemerintahan berdinasti dari Turki dan Afghan yang berpusat di Delhi, iaitu dinasti Mamluk (1206–90), dinasti Khilji (1290–1320), dinasti Tughlaq (1320–1413), dinasti Sayyid (1414–51) dan dinasti Lodi (1451–1526). Pada tahun 1526, Kesultanan Delhi diserapkan oleh Empayar Mughal.

Maka untuk membuat andaian secara pukol rata bahawa orang-orang yang datang dari India adalah orang Tamil atau orang Keling semata-mata adalah suatu yang tidak berpijak di bumi nyata, hatta keturunan Rasulullah ﷺ dan para sahabat pun ramai⁷ yang telah menapak di di situ dan melahirkan zuriat yang ramai, wujud sampai ke hari ini⁸.

⁶ Hatta Alam Melayu sendiri pernah dirujuk sebagai wilayah 'belakang Hind'.

⁷ Sebagai contoh, seorang pengembara Arab yang mashur, iaitu al-Masudi (w 956), telah datang ke India pada akhir abad ke 9 dan awal abad ke 10 Masihi mencatatkan bahawa pada masa kedatangannya telahpun wujud lebih 10,000 bani Arab Quraish daripada zuriat sahabat Nabi ﷺ yang telah menjadi penduduk di wilayah al-Mansurah, Multan dan Mangir (tengah utara India). Rajanya waktu itu bernama Abu al-Mundhir Umar bin Abd Allah al-Quraishi. Beliau juga menyebut tentang ramainya keturunan Sayyidina Ali bin Abi Talib ra. Wali Songo yang melahirkan ramai para ulama dan pendakwah di Alam Melayu juga adalah bersusur galurkan kepada nenek moyang yang menjadi golongan pembesar dan bangsawan di utara India. Di Surat juga pernah wujud kerajaan ahlul-bait al 'Aidrusi.

⁸ Polemik yang sama berlaku apabila orientalis mendakwa bahawa Islam datang ke Alam Melayu melalui para pedagang India. Walhal yang lebih ramai adalah alim-ulama Arab yang datang ke rantau ini samada dengan menyinggah ke pelabuhan-pelabuhan di India atau terus datang ke sini. Atau mereka yang telah lama menetap di India dan membuat kerja dakwah di Alam Melayu. Rujuk Syed Muhammad Naquib al-Attas "Historical Fact and Fiction", UTM, 2011

Sumber Identiti Mani Purindan

Sumber primer tentang Mani Purindan hanya boleh didapati dari buku *Sejarah Melayu* susunan Tun Seri Lanang itu, dan di sini pun beliau tidak memberi banyak maklumat selain berikut;

“ Alkisah maka tersebutlah perkataan ada sebuah negeri di benua Keling, Pahili namanya, Nizamul Muluk Akbar Syah nama rajanya, adapun raja itu Islam dalam agama Nabi Muhammad SAW, maka Baginda beranak tiga orang, dua lelaki dan seorang perempuan, yang tua Mani Purindan namanya, dan yang tengah, Raja Akbar Muluk Syah namanya, dan yang perempuan Damia Sri Wandi namanya.....⁹”

Daripada nama ayahanda Mani Purindan sahaja telah terbukti baginda bukan berdarah Tamil kerana gelaran ‘Nizamul Muluk’ merupakan suatu gelaran Parsi¹⁰ yang bermakna ‘Penguasa seluruh jajahan’. Gelaran ini banyak digunakan oleh pemerintah Islam dari baka Seljuk, Turki dan Afghan dalam Kesultanan Delhi yang sangat luas dan wujud dari awal abad ke 13 sehingga abad ke 16 Masihi. Mani Purindan juga dikatakan berasal dari Pahili atau Pali, manakala menurut sejarahnya Pali berada di wilayah Rajasthan yang pernah takluk bawah Kesultanan Delhi sekitar akhir abad ke 14-15 Masihi¹¹.

Selanjutnya dicatatkan tentang Mani Purindan dari sumber yang sama:

“..... Setelah demikian fakir Baginda Mani Purindan, maka Baginda pun berangkatlah dengan beberapa buah kapal, lalu belayar hendak ke Melaka. Setelah datang ke Tanjung Jambu Air, maka angin pun turunlah terlalu kencang; maka kapal Baginda Mani Purindan pun tenggelam.”

“Hatta berapa lama maka sampailah Baginda Mani Purindan ke negeri Pasai. Setelah didengar oleh Raja Pasai ia anak raja benua Keling, maka didudukkannya dengan anaknya. Daripada anak cucunya lah pancar raja dan bendahara Pasai itu.”

Dari petunjuk di atas, kajian lanjut serta penyelarasan yang dibuat oleh beberapa orang pengkaji asal-usul Mani Purindan termasuk dari penulis sendiri, telah menemukan maklumat lanjut tentang Mani Purindan, khususnya dengan mengkaji secara terperinci asal-usul Raja-Raja dari Kesultanan Deli di Sumatera, induknya dari keluarga bangsawan Pasai yang menurut Tun Seri Lanang *“Daripada anak cucunya lah pancar raja dan bendahara Pasai itu.”*

⁹ A Samad Ahmad, op. cit, hlm 80

¹⁰ Sejarah Melayu juga menyebut kemunculan Mani Purindan ke Melaka lengkap dengan *“alat dan lasyarnya (armada), penghulu lasyarnya bernama Khoja Ali Tandil Muhammad, dengan tujuh buah kapal sertanya.”* Suatu masa dahulu gelaran Khoja atau Khwaja digunakan secara meluas di dunia Arab, Asia Tengah, Asia Selatan dan Asia Tenggara@ Tanah Melayu. Ianya adalah dari bahasa Parsi, bermaksud Tuan Guru dan pernah merujuk kepada seorang guru sufi.

¹¹ Menurut Sir Roland Braddell, gelaran ‘Nizamul Muluk’ merupakan gelaran kepada ramai gabenor dalam wilayah-wilayah di bawah jajahan kerajaan Nizam India. Beliau juga berandaian, Nizamul Muluk Akbar Syah (ayahnda Mani Purindan) merupakan pemerintah dalam sebuah jajahan yang dikuasai oleh Kesultanan Tughluq di Delhi.

Kajian ini telahpun dibentangkan oleh penulis dalam beberapa bukunya¹², dan nama Mani Purindan yang sebenar seperti yang tercatat pada sumber Kesultanan Deli adalah seperti berikut:

Amir Badaruddin Khan Shindi Syeikh Matraluddin Zulkarnain Baharshid Ibni Nizamul Muluk Akbar Shah

Daripada namanya, tempat asalnya, tarikh kemunculannya serta pengkisahan keturunannya yang dipetik dari sumber-sumber sejarah dapat dibuat beberapa rumusan, iaitu;

- i. Istilah Amir, Khan dan Nizamul Muluk mengenalkan beliau dan ayahndanya sebagai orang-orang bangsawan.
- ii. Istilah Amir, Khan, Nizamul Muluk dan Bahar mengenalkan identiti ke 'Parsian'nya. Kebetulan pada zaman Mani Purindan bangsawan-bangsawan Parsi dan Arab-Parsi sememangnya telah menakluki benua Utara India termasuk Kesultanan Delhi. Rujuk juga kepada wasiat-wasiat Raja-Raja Melaka yang merupakan cucu cicit Mani Purindan (dari sebelah ibu), banyak menggunakan istilah-istilah Parsi dalam wasiat-wasiat mereka.
- iii. Shindi merujuk kepada negeri tempat asalnya iaitu dari benua India. Tetapi ini tidak semesti merujuknya sebagai seorang Tamil, apatah lagi Bangsa Tamil menempat di sebelah pantai timur selatan India (wilayan Tamil Nadu dan Sri Lanka hari ini). Walaupun Mani Purindan memang berasal dari India, tetapi secara tepatnya dari jajahan Kesultanan Delhi di sebelah utara.
- iv. Nama penuh Mani Purindan ini terbukti merupakan nama yang mengenalkannya sebagai seorang yang mempunyai darah Parsi. Ini tidaklah menghairankan kerana pada zaman Mani Purindan, sejarah kesultanan-kesultanan di utara India adalah di bawah pemerintahan **bangsa-bangsa Arab, Farsi, Turki, Afghan serta campurannya yang datang dari wilayah Iraq, Farsi dan Khurasan (Asia Tengah pada hari ini)**.
- v. Syeikh merujuk kepada statusnya sebagai seorang yang mendalam ilmu agamanya. Malahan Tun Seri Lanang sendiri telah meletakkan gelaran kemuliaan *qaddasallahu sirrahum*¹³ pada sebelah nama Mani Purindan, yang mana gelaran ini sering dikaitkan dengan guru sufi. Ini tidaklah menghairankan kerana dalam catatan R.O Winstedt sendiri, merujuk kepada bendahara-bendahara Melaka sebagai 'mistikal' yang amat berkait rapat dengan pengalaman orang-orang sufi.
- vi. Zuriat Mani Purindan yang menjadi Raja-raja Melaka mengambil sempena nama-nama penakluk-penakluk Khurasan di India seperti Sultan Muzaffar Shah, Sultan Mansur Shah, Sultan Alauddin Shah dan Sultan Mahmud Shah.

¹² Rujuk buku '*Zuriat Rasulullah ﷺ dan Raja, Raja Melayu*', Crescent News KL, 2011

¹³ *Sejarah Melayu*, (versi A. Samad Ahmad, edisi pelajar), hlmxxvi

Rumusan

Apabila dikatakan Mani Purindan itu berasal dari benua Keling, tidaklah bermakna ia secara otomatis seorang Tamil, kerana benua India itu besar dengan jumlah penduduk yang ramai dari berbagai suku etnik, dan orang Tamil hanya merupakan salah satu bangsanya yang menapak di bahagian selatan India dan mendapat Islam lebih lewat dari India Utara. Sedangkan kedatangan Islam yang jauh lebih awal di India Utara dan di sekitar persisiran pantai baratnya telah mewujudkan bangsa-bangsa dari titisan Arab, Parsi, Turki disamping adunan bangsa-bangsa ini dengan penduduk asal mereka. Dikatakan juga, oleh kerana Islam datang ke India melalui usaha penaklukan 'orang-orang luar' seperti kaum Turki, Parsi dan Arab, maka pemerintahan umat Islam di sini tentu sekali berada di bawah tangan-tangan bangsa-bangsa ini atau keturunan mereka dan bukan dalam tangan raja-raja India asal.

Merujuk kepada perkembangan Islam di rantau Nusantara ini, menurut Prof Sayyid Muhammad Naquib Al-Attas :

*'Sejak abad ke 17 dan sebelumnya, semua bukti penulisan agama yang dikajikan tidak menunjukkan sebarang penulisnya dari keturunan India atau tulisan yang berasal dari India. Penulis yang dikatakan oleh sarjana Barat sebagai keturunan India sebenarnya adalah keturunan Arab samada ditinjau dari segi etnik atau budaya. Pendakwah-pendakwah yang awal jika ditinjau daripada nama gelaran adalah dapat dipastikan sebagai orang Arab atau Arab Parsi. Memang benar mereka datang ke Alam Melayu melalui India, tetapi masih terdapat segolongan dari mereka yang datang terus dari Tanah Arab atau melalui Parsi atau negeri China. Ada terdapat karya-karya ini dituliskan di India, tetapi tulisan itu berasal dari Tanah Arab atau Parsi, malah terdapat juga tulisan yang berasal dari Turki dan Maghribi, **tetapi apa yang lebih penting bahawa pengajaran agama itu bercorak Timur Tengah dan bukan India.**¹⁴'*

Tanpa menidakkan jasa serta kewibawaan bendahara-bendahara Melaka yang lain khususnya Bendahara Paduka Raja Tun Perak yang disebut sebagai bendahara Melaka yang paling cemerlang¹⁵, disebutkan di sini bahawa dikesampingkan jurai *matrilineal* Bukit Siguntang dari Palembang, percampuran unsur-unsur *patrilineal* baka bangsawan dari kerajaan Islam di benua utara al-Hind inilah yang telah melahirkan keturunan atau zuriat Mani Purindan yang berwibawa seperti Bendahara Tun Mutahir, Tun Hassan Temenggung, Serikandi Tun Fatimah¹⁶, dan ramai lagi anak cucu mereka yang menjadi golongan pemerintah dan pembesar seperti dalam

¹⁴ Sayyid Muhammad Naquib Al-Attas, *Preliminary Statement on a general theory of the Islamization of the Malay-Indonesia Archipelago*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969, hlm 25

¹⁵ Sulalatus Salatin mencatatkan tentang Tun Perak "Syahadan, Bendahara Paduka Raja (Tun Perak) itulah dikatakan orang bijaksana, kerana pada zaman itu tiga buah negeri yang samabesarnya: pertama, Majapahit; kedua, Pasai; ketiga, Melaka. Di dalam negeri tiga buah itu, tiga orang yang bijaksana, di Majapahit, Patih Aria Gajah Mada; dan di Pasai, Orang Kaya Kenayan; dan di Melaka, Bendahara Paduka Raja" Tun Perak sempat berkhidmat dengan empat Raja Melaka, iaitu Sultan Muzaffar Shah, Sultan Mansur Shah, Sultan Alauddin Riayat Shah dan Sultan Mahmud Shah. Tun Perak memegang tampuk pentadbiran negeri Melaka selama lebih kurang setengah abad, iaitu hampir setengah usia Kesultanan Melayu Melaka.

¹⁶ Terkenal dengan kecantikannya, kerana mempunyai baka Parsi dari nendanya Mani Purindan

Kesultanan Perak, Pahang, Johor dan Terengganu di Tanah Melayu ini selama berabad-abad sehingga ke hari ini. Malahan pujangga agung Melayu, iaitu Bendahara Tun Muhammad atau Tun Seri Lanang adalah juga zuriatnya !

Sementara Sultan Muzaffar Shah, Sultan Mansur Shah, Sultan Alauddin Riayat Shah, Sultan Mahmud Shah dan Sultan Ahmad Shah yang juga mempunyai darah Mani Purindan dari sebelah ibu¹⁷, sedikit sebanyak menzahirkan juga sisi-sisi keupayaan genetik bangsawan Parsi dari benua al-Hind tersebut.

Ini belum pun termasuk waris Mani Purindan di bumi Aceh (Pasai) yang melahirkan raja-raja dan bendahara-bendahara Pasai, kemudiannya Kesultanan Deli dan Serdang, Uleebalang Samalanga serta ramai lagi tokoh-tokoh bangsawan seperti Gocah Pahlawan, Pocut Meuligo, Teuku Hamid Azwar, Mayjend Teuku Hamzah Bendahara, Teuku H. Zainal Abidin Bendahara dan Teuku H Husen Bendahara dan ramai lagi.

Semoga dengan terungkainya asal-usul Mani Purindan yang sebenar, akan menghilangkan bibit-bibit prejudis terhadap keluarga bendahara Melaka-Johor dari titisannya yang telah berlegar untuk sekian lamanya.

Intaha.

¹⁷ Mereka mendapat jujuk genetik Mani Purindan dari sebelah anak perempuannya Puteri Ratna Wati yang berkahwin dengan Sultan Muhammad Shah, melahirkan Sultan Muzaffar dan zuriat baginda yang lain